

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
KAWASAN : DAMANSARA

SOALAN NO. 508

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan anggaran bayaran pampasan Kerajaan kepada setiap syarikat konsesi tol swasta untuk membekukan kenaikan kadar tol pada tahun 2020. Adakah Kerajaan berhasrat dan merancang untuk mengurangkan perbelanjaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran bayaran pampasan Kerajaan jika menangguhkan kenaikan kadar tol bagi lebuh raya yang terlibat pada tahun 2020 dianggarkan berjumlah **RM 1,531.56 juta**. Bagaimanapun, jumlah ini adalah tertakluk kepada verifikasi dan pengesahan yang akan dilaksanakan oleh Juruaudit Kerajaan dan juruaudit syarikat konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan pada masa ini sedang meniliti semua opsyen-opsyen bagi menentukan halatuju industri lebuh raya bertol bagi mewujudkan situasi menang-menang di kalangan semua pemegang taruh.

Sekian, terima kasih.